

EXAM PTD DI MANA CALON **"DIPANCUNG"?**



Pegawai Tadbir & Diplomatik M41

Pegawai Tadbir & Diplomatik M41 satu jawatan yang menjadi rebutan bagi graduan yang nak join Perkhidmatan Awam. Satu laluan PRESTIJ untuk menyandang jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Untuk yang tak tahu, jawatan tertinggi dalam perkhidmatan awam iaitu Ketua Setiausaha Negara (KSN) adalah bermula dengan laluan PTD.


Jumlah permohonan untuk jadi PTD ni setiap tahun memang ramai. Lihat saja salah satu tahun ni, seramai 126,386 (tahun 2018) graduan memohon untuk merebut 400 kekosongan (maksimum). Macam mana nak pilih 400 yang terbaik daripada jumlah yang memohon ni?

Jawapannya adalah **TAPISAN!**

OBJEKTIF : Cari 400 pemohon yang berkualiti tinggi untuk jadi PTD

METHODOLOGI : Buat ujian (7 peringkat) untuk buang sebanyak mungkin pemohon!

PROSES LANTIKAN PTD



STAGE 1

STAGE 1 singkir adalah **EXAM ONLINE** diikuti penyingkiran setiap STAGE. Tapi penyingkiran yang **paling ramai** adalah di STAGE 1 ini. Ramai calon yang gagal dan tersingkir dengan ucapan..

"CUBA LAGI TAHUN DEPAN"

Untuk tahun ini, STAGE 1: Exam Online ini ada 3 Seksyen Penilaian

- Seksyen A: Pengetahuan Am
- Seksyen B: Daya Menyelesaikan Masalah
- Seksyen C: Kefahaman Bahasa Inggeris

Seksyen C ni kira macam bonus la untuk calon. Tak terlalu sukar. Ianya diperkenalkan pada tahun 2019. Sebelum ini tiada ujian ini dilakukan secara online. Ada pun masa sesi awal dulu sebelum sesi online.

Seksyen yang "**MEMANCUNG**" calon adalah **Seksyen A dan Seksyen B**

1. Soalan Government Order (GO)

Tengok anda peka ke tak dengan undang-undang, pentadbiran, kementerian etc

2. Pentadbiran kerajaan

Tengok anda faham ke tak bagaimana pentadbiran berjalan. Parlimen, kerajaan persekutuan, kerajaan negeri etc

3. Soalan kesukanan

Berkaitan bolasepak, sukan komanwel, piala thomas etc

4. Pengetahuan insensif

Berkaitan bantuan inisiatif kerajaan seperti

5. Skop soalan YK-YDK

Soalan maut. YOU KNOW or YOU DON'T KNOW. Ni memang pelik.

Untuk data yang anda tahu (YK), kira satu BONUS untuk anda. Tapi kalau anda tak tahu tentang apa yang ditanya (YDK), senyum je lah. Melayang markah. Pecahan 1-4 tu anda boleh buat. Tapi bila sampai skop soalan YK-YDK memang pancung habis!

Contoh soalan dalam skop ini yang **pernah** ditanya dalam exam PTD :

1. Malaysia bergiat aktif dalam pelbagai pertubuhan antarabangsa yang membuka ruang dan jalinan kerjasama yang luas di peringkat global. Pilih pertubuhan yang tidak dianggotai oleh Malaysia.

- A. North Atlantic Treaty Organization
- B. Non-Aligned Movement
- C. United Nation
- D. Association of Southeast Asian Nations

2. Negara yang tidak membuat tuntutan terhadap Kepulauan Spratly ialah;

- A. Vietnam
- B. China
- C. Cambodia
- D. Brunei

3. Penerima pingat yang dikurniakan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara akan membawa gelaran

- A. Tun
- B. Datuk
- C. Tan Sri
- D. Dato' Seri

Tips!

Bila anda jumpa soalan YK-YDK ni tangguhan dulu. Jawab dihujung exam nanti kalau ada. Jangan buang masa cuba perah otak. Jawab dulu soalan mana yang anda confirm betul.

CONTOH SOALAN & JAWAPAN : SEKSYEN A

1. Sukan Komanwel 1994 (Victoria '97, Kanada) menawarkan 221 pingat emas. Berapakah pingat emas yang ditawarkan pada Sukan Komanwel 1998 yang dianjurkan di Malaysia (Kuala Lumpur '98) ?

- | | |
|--------|--------|
| A. 205 | C. 282 |
| B. 214 | D. 220 |

Jawapan : B. 214

Penerangan : 214 pingat emas semasa penganjuran Sukan Komanwel 1998. 205 pingat emas sukan Komanwel Auckland 1994. 282 pingat emas Komanwel England 2002. 220 pingat emas Melbourne 2006

2. Amerika Syarikat juga disebut negara "Uncle Sam". Negara apakah yang digelar "Land of Smiles"

- | | |
|-------------|----------------|
| A. China | C. New Zealand |
| B. Thailand | D. Brazil |

Jawapan : B. Thailand

Penerangan : Negara Thailand digelar Land of Smiles.

3. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah menganjurkan satu kempen bagi melengkapi pelaksanaan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) iaitu

- | |
|--------------------------------|
| A. Kempen Go Green |
| B. Kempen Jualan Malaysia 2020 |
| C. Kempen Tabung Pahlawan 2020 |
| D. Kempen Let's Do It Right |

Jawapan : B. Kempen Jualan Malaysia 2020

Penerangan : YAB Perdana Menteri pada 5 Jun 2020 yang lalu semasa pembentangan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah menekankan tentang inisiatif Kerajaan untuk memperkasa dan memperluaskan pelaksanaan Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) dalam usaha merangsang dan merancakkan semula pertumbuhan ekonomi domestik melalui sektor peruncitan dengan peruntukan sebanyak RM10 juta. Bagi melengkapi pelaksanaan KBBM, KPDNHEP juga menganjurkan Kempen Jualan Malaysia, KJM 2020 secara serentak sebagai salah satu inisiatif yang menyeluruh untuk memulih (recovery) dan merancakkan (revitalise) sektor peruncitan di dalam negara.

4. Pilih pasangan hormon yang mempunyai fungsi yang berlawanan

- | |
|-------------------------------------|
| A. Glukagon dan insulin |
| B. Tiroksina dan testosteron |
| C. Progesterone dan estrogen |
| D. Hormon pertumbuhan dan adrenalin |

Jawapan : A. Glukagon dan insulin

Penerangan : Glukagon meningkatkan kadar gula dalam darah, insulin rendahkan kadar gula dalam darah.

5. Butir-butir peruntukan-peruntukan kewangan dalam Perlembagaan Persekutuan terletak di

- A. Bahagian 12, Perkara 152-160
- B. Bahagian 3, Perkara 14-31
- C. Bahagian 15, Perkara 182-183
- D. Bahagian 7, Perkara 96-112D

Jawapan : D. Bahagian 7, Perkara 96-112D

Penerangan : Rujuk jadual di bawah.

Bahagian	Butir-butir	Perkara
1	Negeri-negeri, Agama dan Undang-undang Persekutuan	Perkara 1-4
2	Kebebasan Asasi	Perkara 5-13
3	Kewarganegaraan	Perkara 14-31
4	Persekutuan	Perkara 32-69
5	Negeri-negeri	Perkara 70-72
6	Perhubungan antara Persekutuan dengan Negeri-negeri	Perkara 73-95E
7	Peruntukan-peruntukan kewangan	Perkara 96-112D
8	Pilihan raya	Perkara 113-120
9	Kehakiman	Perkara 121-131A
10	Perkhidmatan Awam	Perkara 132-148
11	Kuasa-kuasa Khas menentang perbuatan Subversif dan kuasa-kuasa Darurat	Perkara 149-151
12	Am dan Pelbagai	Perkara 152-160
12A	Perlindungan Tambahan bagi negeri-negeri Sabah dan Sarawak	Perkara 161-161H
13	Peruntukan Sementara dan Peralihan	Perkara 162-180
14	Perkecualian bagi kedaulatan Raja-raja dan sebagainya	Perkara 181
15	Prosiding terhadap Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja	Perkara 182-183

SEKSYEN B

Seksyen Daya Menyelesaikan Masalah ni ramai yang rasa (ASSUME) hanya soalan MATEMATIK. Jadi mental preparation pun fikir MATEMATIK ja. Tapi bila tengok soalan... aduhhh sekali lagi terkejut **BLANK!**

Eh MATEMATIK memang ada dan memang majoriti soalan tu MATEMATIK. Tapi jangan tak tau, ada soalan lebih kepada PERANGKAP nak gagalkan anda!

Tips!

Jangan buang masa studi semua bab Matematik. Soalan yang ditanya memang pada level SPM, tapi bukan semua bab SPM ya. Semak ringkasan bab yang biasa ditanya dalam exam SPA dalam rujukan penuh Exam PTD ni

Di mana calon “DIPANCUNG” dalam Seksyen B?

Anda akan ‘DIPANCUNG’ jika anda LEKA jawab soalan jenis macam ni

Contoh : Gabungan huruf-huruf yang manakah bukan dalam kumpulan yang sama?

- A. DFA CGI BGU B. HJE KLO HKO
C. PMI XYU RPO D. MNA NPE STO

PENYELESAIAN

Jika dilihat, pilihan jawapan terdapat huruf konsonan dan huruf vokal. Cabaran soalan ini adalah untuk menentukan pola kumpulan yang sama dan tidak.

DFA CGI BGU
Huruf konsonan DF, CG, BG --> urutan menaik
Huruf vokal A, I, U --> urutan menaik

HJE KLO HKO
Huruf konsonan HJ, KL, HK --> urutan menaik
Huruf vokal E, O, O --> urutan menaik

PMI XYU RPO
Huruf konsonan PM --> urutan menurun
Huruf konsonan XY --> urutan menaik
Huruf konsonan RP --> urutan menurun
Huruf vokal I, U, O --> urutan (A, E, I, O, U) keliru

MNA NPE STO
Huruf konsonan MN, NP, ST --> urutan menaik
Huruf vokal A, E, O --> urutan menaik

Jadi, pilihan PMI XYU RPO adalah jelas bukan dalam kumpulan sama.

Soalan macam ni tak susah, tapi dia perlu masa anda untuk baca dan fikir solusi.

Kita hanya ada 45 minit untuk habiskan 40 soalan. Idealnya peruntukkan 1 minit (**MAKSIMUM**) untuk jawab 1 soalan. Jika anda ambil lebih dari 1 minit, anda akan berakhir dengan sesi '**TEMBAK**' / '**HENTAM**'

Apa kesan buruk bila ini berlaku? Ok kita ambil contoh situasi ini. Bayangkan situasi ini :

Dalam **40 soalan** itu, contohnya (bukan sebenar);

Soalan 1-14 sederhana susah. Anda ambil masa 15 minit untuk selesaikan

Soalan 15 - 20 soalan bentuk uji IQ/pola yang anda ambil masa 20 minit nak selesaikan

Anda dah habiskan **35 minit** untuk siapkan **20 soalan**. Ada lagi berbaki 20 soalan untuk anda jawab dalam masa 10 minit.

Soalan 20 - 30 sederhana mudah anda buat dengan pantas selama 8 minit

Soalan 31 - 40 mudah, anda hanya ada 2 minit berbaki.

Haip **2 minit tinggal** memang anda tak ada pilihan lain melainkan **HENTAM 'ikut INSTINCT** kononnya'.

Nampak tak? Anda ter**PERANGKAP** kat situ? Sayang kan?

Pada bahagian soalan mudah anda HENTAM. Kalau ada masa yg cukup mungkin anda jawab dengan betul!

Itu yang kita sebut bagaimana calon '**DIPANCUNG!**' Mereka terperangkap dengan MASA dan susunan soalan yang memang untuk...

"PERANGKAP masa anda, jadi anda DIPANCUNG dengan masa!"

Tips!

Bila sampai soalan yang anda tak boleh selesaikan dengan cepat, terus SKIP dan PROCEED dengan soalan seterusnya. Bila ada masa dihujung nanti baru anda patah balik dan cuba selesaikan. Jangan masuk perangkap 'TERHENTAM SOALAN MUDAH!'. Rugi!

CONTOH SOALAN & JAWAPAN : SEKSYEN B

1. Berikut merupakan keputusan bagi suatu perlawanan bola sepak:

PERLIS	1	PAHANG	0
PERAK	1	KELANTAN	1
KEDAH	1	TERENGGANU	2
PULAU PINANG	0	SELANGOR	1
NEGERI SEMBILAN	3	SABAH	0
SARAWAK	0		

Apakah pula keputusan bagi perlawanan antara JOHOR melawan MELAKA?

- | | |
|---------------------|---------------------|
| A. JOHOR 3 MELAKA 0 | C. JOHOR 1 MELAKA 2 |
| B. JOHOR 0 MELAKA 1 | D. JOHOR 2 MELAKA 2 |

Penyelesaian :

JOHOR 0 MELAKA 1

Pasukan akan mendapat satu gol bagi setiap satu E dalam ejaan nama pasukannya.

2. Sudahkan sambungan di bawah:

c, P, 16, f, M, 9, i, J, 10, l, G, 15, o, __ , __ , __

- | | |
|-------------|-------------|
| A. E, 17, s | C. f, 11, k |
| B. D, 4, r | D. n, 18, q |

Penyelesaian:

Ada 3 siri masalah di sini:

- i) Huruf kecil (bermula dengan huruf c) melompat 3 rumah setiap masa dalam susunan menaik iaitu: c, f, i, l, o, r
- ii) Huruf besar (bermula dengan huruf P) melompat 3 rumah setiap masa dalam susunan menurun iaitu: P, M, J, G, D
- iii) Nombor-nombor tertera adalah bilangan yang ke berapa bagi huruf besar sebelumnya dalam susunan abjad dan bilangan yang ke berapa bagi huruf kecil selepasnya dalam susunan abjad, secara berselang-seli.

Contoh:

P – 16, P adalah huruf ke-16 dalam susunan abjad.

Selepas 16, nombor seterusnya ditentukan dengan melihat huruf kecil selepas nombor pula. Contohnya;

9 – i, i adalah huruf ke-9 dalam susunan abjad.

Kemudian, seterusnya secara berselang-seli:

J – 10, J adalah huruf ke-10 dalam susunan abjad.

15 – o, i adalah huruf ke-15 dalam susunan abjad.

Oleh itu, D adalah bilangan huruf ke-4 dalam susunan abjad.

3.

$$\mathbf{D + K = O}$$

$$\mathbf{M - G = F}$$

$$\mathbf{B \times J = ?}$$

- A. Y
B. Z

- C. T
D. S

Penyelesaian:

HINT : Setiap huruf membawa jumlah bilangan mengikut kedudukan dalam susunan abjad.

$$D (4) + K (11) = O (15)$$

$$M (13) - G (7) = F (6)$$

$$\text{Maka, } B (2) \times J (10) = T (20)$$

4. Dalam dua susunan nombor di bawah, salah satu nombor dalam susunan di atas sepatutnya berada dalam susunan di bawah, dan begitu juga sebaliknya.
Nombor manakah yang sepatutnya ditukar?

3, 5, 9, 26, 33
5, 8, 14, 17, 50

- A. 26 dan 17
B. 33 dan 50

- C. 9 dan 8
D. 33 dan 17

Penyelesaian:

26 dan 17 yang perlu ditukar.

Susunan nombor yang atas adalah nombor yang melalui operasi ($\times 2 - 1$).

Susunan nombor yang bawah adalah nombor yang melalui operasi ($\times 2 - 2$).

5. Dua individu, Y dan Z sedang berbual-bual. Y mengatakan Z ialah anaknya tetapi Z pula mengatakan Y bukan bapanya. Apakah perhubungan mereka?

- A. Nenek dan cucu
B. Ibu saudara dan anak saudara

- C. Atuk dan anak
D. Ibu dan anak

Penyelesaian:

Z ialah anak kepada Y, tetapi Y bukan bapa kepada Z.

Hubungan selain bapa kepada anak adalah ibu .

Maka, Y adalah ibu kepada Z.

CONTOH SOALAN & JAWAPAN : SEKSYEN C

1. Choose the right prefix for the root word;

- | | |
|-------------------------|----------------------|
| A. athlete / triathlete | C. abort / dwiabort |
| B. sickle / unsickle | D. malice / immalice |

2. Choose the correct adverbs of manner;

The thief was greedily ____ their loot before the cops arrested them.

- | | |
|--------------|-------------|
| A. worried | C. making |
| B. satisfied | D. counting |

3. 'Beggars can't be choosers' means ...

- | |
|--|
| A. Beggars will choose what they want. |
| B. If a favour is asked, you just have to take whatever they give. |
| C. If you choose wisely, you will not become a beggar. |
| D. I can not choose which beggar to help. |

4. Turn ____ the volume please. I could not hear the news ____ the radio.

- | | |
|---------------|-----------------|
| A. down, in | C. right, about |
| B. left, with | D. up, on |

5. Choose the correct spelling.

- | | |
|-----------------|------------------|
| A. marksmanship | C. makersmanship |
| B. makeshif | D. makesmanship |


Jawapan : 1. A, 2. D, 3. B, 4. D, 5. A.

Apa Kata PTD?

Bos, sebagai senior PTD... setelah di baca... ulasan saya... siapa tak beli memang rugi. Ini kerana sehingga kini takde satu pun panduan yang lengkap dan teratur sepetimana pihak Bos sediakan. Jika panduan ni dah ada pada tahun 2004 dahulu... takde la phening dan ke sana kemari nak cari panduan. Tinggal lagi, sejauhmana setiap calon nak laburkan masa dan wang sebagai persediaan dengan bahan yang berkualiti. Syabas untuk Bos dan Team Infokerjaya.



Banyak lagi tips, nota dan soalan untuk anda dalam rujukan penuh **PEGAWAI TADBIR DIPLOMATIK** ini.



Klik sini

Dapatkan versi penuh di bawah :

<https://go.semakan.info/ptd-m41/4603/order>